



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 6, No. 2, 2018
ISSN No. 2338-512X

Pengamalan Komunikasi Kemanusiaan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Pensyarah Politeknik Premier Malaysia

Abu Hashim Bin Saad¹, Zulkefli Bin Aini²

1. Politeknik Sultan Azlan Shah
Behrang Stesyen 35950, Perak, Malaysia
Email: abu_hashim@psas.edu.my

2. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43900, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: zulaini@ukm.edu.my

Abstrak - *Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengamalan komunikasi kemanusiaan dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP) dalam kalangan pensyarah politeknik premier Malaysia. Secara khususnya, kajian ini cuba melihat aspek komunikasi kemanusiaan menerusi tiga unsur utama iaitu al-nafs (jiwa), al-'aql (akal) dan al-qalb (hati). Seramai 297 orang sampel daripada 1289 responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik yang telah dikemukakan. Responden yang dipilih terdiri daripada pensyarah daripada tiga buah politeknik premier Malaysia. Data yang dikumpulkan telah dianalisa menggunakan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan skor kekerapan, peratusan dan min dalam menganalisa hasil kajian. Dapatkan kajian ini menunjukkan pensyarah politeknik premier kerap mengamalkan komunikasi kemanusiaan dalam sesi PDP mereka. Bagi komunikasi kemanusiaan menerusi unsur al-nafs (jiwa) keseluruhan, dapatkan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah ($min= 4.39$). Sementara itu, menerusi unsur al-'aql (akal) nilai purata min keseluruhan adalah tinggi iaitu ($min=4.30$) manakala komunikasi kemanusiaan melalui unsur al-qalb (hati) mendapati nilai purata min keseluruhan juga adalah tinggi iaitu ($min=4.27$). Oleh itu, komunikasi yang mempunyai sentuhan jiwa, kemahiran penggunaan akal serta komunikasi daripada hati amat perlu dikuasai dan diperaktikkan oleh pensyarah bagi menjamin keberkesanan proses PDP.*

Kata Kunci: Komunikasi kemanusiaan, PDP, jiwa, akal, hati.

I. Pendahuluan.

Dalam kehidupan seharian komunikasi adalah suatu perkara atau aktiviti yang tidak dapat dielakkan, tanpa aktiviti komunikasi ini manusia akan berada di dalam kesunyiaan dan ketinggalan jauh dari pelbagai aspek dalam kehidupan. Untuk itu, komunikasi sering dianggap sebagai proses biasa yang sentiasa berlaku dalam kehidupan manusia sehari-hari. Sebenarnya, kehidupan manusia sama seperti makhluk lain yang tidak terlepas dari proses komunikasi. Komunikasi berlaku di dalam diri manusia, sesebuah keluarga, organisasi dan masyarakat. Oleh itu, manusia harus belajar berkomunikasi supaya aktiviti ini akan menjadi lebih berkesan supaya mesej yang hendak disampaikan itu dapat diterima, difahami, dan dapat mencapai matlamat seperti mana yang dikehendaki (Mohd Khairuddin Abdullah et al. 2014). Sementara itu, komunikasi yang berelemen kemanusiaan memainkan peranan yang amat penting dalam proses PdP. Ini kerana hampir segala aktiviti dalam proses PdP melibatkan proses komunikasi kemanusiaan tersebut.. Pada masa kini, akibat

perkembangan ICT di peringkat global khususnya dalam bidang pendidikan maka komunikasi dalam PdP juga turut berubah kesan daripada perkembangan tersebut. Justeru, kajian ini akan melihat konsep komunikasi kemanusiaan dalam PdP bagi pensyarah di politeknik premier Malaysia

II. Pernyataan Masalah

Komunikasi kemanusiaan menurut Islam adalah komunikasi yang lahir hasil daripada gabungan empat komponen dalam manusia iaitu *ql-qalb*, *al-ruh*, *al-nafs* dan *al-'aql*. Ini berdasarkan pandanganal-Ghazali (2013) yang menyatakan terdapat empat faktor utama mempengaruhi kepada pembentukan sikap, perwatakan dan tingkah laku seseorang manusia iaitu *al-qalb* (hati), *al-ruh*, *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). *Al-qalb* (hati) adalah struktur paling utama dan penting untuk mengawal segala komponen manusia yang lain. Manakala, *al-ruh* (ruh) adalah unsur kejadian yang sama dengan malaikat dan bersifat *rabaniyyah*. Seterusnya, *al-nafs* (jiwa) mengandungi dua unsur iaitu *hayawanah* dan *syaitoniyah* yang lebih menjurus kepada pelampiasan nafsu semata-mata. Sementara itu, *al-'aql* (akal) merupakan struktur tertinggi dalam diri manusia dan penggunaanya boleh membezakan antara manusia dengan haiwan. Islam tidak hanya menilai sesuatu perkara termasuk komunikasi dari sudut fizikalnya sahaja, tetapi ia amat menitiberatkan persoalan berkaitan dengan kerohanian

Sementara itu, menurut Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014), sekolah atau institusi pengajian tinggi merupakan tempat yang paling banyak berlakunya proses komunikasi khususnya dalam bilik darjah/kuliah iaitu semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, tenaga pengajar perlu memastikan komunikasi berlaku dengan berkesan khususnya komunikasi bersifat kemanusiaan. Untuk itu, menurut Mohd. Safar Hashim & Fatimah Yusoff (1988), komunikasi kemanusiaan ini melibatkan komunikasi lisan dan bukan lisan dan ianya perlu dianggap sebagai satu unit yang lengkap, tidak terpisah dan kedua-duanya akan bersatu dan bersepada antara satu sama lain untuk menyampaikan sesuatu mesej. Kemahiran guru mengaplikasikan kedua-dua komunikasi ini dapat meningkatkan keberkesanan proses PdP yang dijalankan. Komunikasi lisan ialah apabila guru berinteraksi dengan pelajar ketika bercakap, memberi penjelasan, menyatakan, meneguh, menegur, mengarah, menghampiri dan sebagainya. Manakala komunikasi bukan lisan berlaku melalui hubungan mata, pergerakan badan, air muka, pakaian, ketrampilan, penglibatan pendengar, penggunaan gurau senda dan sifat semula jadi guru.

Sementara itu, menurut Khairul Anuar A. Rahman (2012), guru yang berkesan ialah pendidik yang mempunyai elemen-elemen kemanusiaan dalam berkomunikasi dengan pelajarnya dan dapat memberi kesan kepada pelajarnya dari segi personaliti dan mampu membawa perubahan tingkah laku kepada pelajarnya. Elemen-elemen kemanusiaan tersebut ialah kemesraan dan sikap memahami. Sementara itu, guru merupakan contoh dan model kepada pelajar dan segala ciri dan tingkah laku peribadi guru banyak mempengaruhi pelajar. Interaksi antara mereka harus berlaku dengan kualiti hubungan yang erat, kemesraan, sokongan hormat dan sensitiviti. Selain itu, berkomunikasi dengan ramah dan mengambil berat perihal kebijakan anak murid juga merupakan ciri-ciri guru yang berkesan.

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan aktiviti yang banyak melibatkan komunikasi terutamanya antara guru dengan murid. Oleh itu, penggunaan komunikasi yang berkesan terutamanya mengandungi elemen-elemen kemanusiaan adalah perlu dalam memastikan pengajarannya tercapai dan dapat menyempurnakan fungsinya sebagai pendidik, pembimbing, pemimpin dan pendorong kepada pelajar. Kelemahan guru berkomunikasi dengan berkesan dengan memasukkan elemen-elemen kemanusiaan bukan sahaja boleh menyebabkan objektif PdP yang dirancang gagal tetapi turut menyebabkan pelajar mengalami perasaan tidak puas hati, kecewa, tekanan psikologi, kesihatan fizikal, kesepian, hilang perasaan kasih sayang dan sebagainya. Justeru, kelemahan atau ketidakmahiran guru dalam berkomunikasi dengan unsur-unsur kemanusiaan iaitu bercakap kasar, suka memaki, menampar, suka memberi kuliah, berlepas berjela-jela dikatakan turut mempengaruhi tingkah laku pelajar. Sebenarnya, guru perlu bijak menyusun strategi agar komunikasi mereka dengan pelajar dapat berlaku secara harmonis, saling bantu membantu dan hormat menghormati supaya tidak timbul konflik antara mereka (Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014).

Menurut Sulaiman Md. Yassin et al. (2002), terdapat beberapa bentuk komunikasi kemanusiaan yang boleh menghasilkan pengajaran yang berkesan, antaranya adalah sentiasa bersikap positif dan bercakap tentang perkara yang baik dan benar, menggunakan perkataan yang tepat dan ringkas serta tekanan suara yang lembut tetapi jelas ketika berkomunikasi, elakkan daripada bersikap suka mengkritik, air muka, pertuturan dan hubungan mata perlu diberi perhatian oleh guru. Oleh itu, keberkesanan proses PdP akan terjejas sekiranya guru gagal mewujudkan komunikasi yang baik. Ini sekaligus memberi kesan kepada pelajar kerana maklumat yang disampaikan akan sukar difahami dan disalah tafsir.

Syofia Ulfah et al. (2013) menyatakan kegagalan guru menarik minat pelajar mengikuti aktiviti PdP berpunca daripada sikap guru yang tidak membina hubungan iaitu dengan tidak mewujudkan rasa simpati dan saling berpengertian. Sebenarnya, hubungan yang baik akan mewujudkan perasaan seronok untuk belajar, berkongsi kejayaan dan berbicara dengan bahasa hati mereka. Menurut Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014), kegagalan guru melaksanakan komunikasi kemanusiaan dengan pelajar dilihat apabila guru sering menunjukkan sikap suka marah-marah. Terdapat juga sebilangan guru yang menggunakan serangan verbal

iaitu serangan lisan kepada pelajar seperti suka menyerang peribadi pelajar, menghina dan mengkritik latar belakang pelajar dan merendah-rendahkan kebolehan pelajar. Serangan verbal seperti ini boleh menyebabkan kecederaan psikologi kepada pelajar.

Justeru, dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan perbincangan berkaitan pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-nafs* (jiwa), *al-aql* (akal) & *al-qalb* (hati) tersebut dalam kalangan pensyarah politeknik premier Malaysia ketika proses PDP mereka kepada pelajar-pelajar.

III. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan semasa. Maklumat dan data kajian diperolehi melalui soal selidik. Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah politeknik premier iaitu Politeknik Ungku Omar, Perak (PUO), Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Selangor (PSA), Politeknik Ibrahim Sultan, Johor (PIS). Populasi bagi kajian ini ialah semua pensyarah politeknik premier Malaysia iaitu seramai 1289 yang menggunakan platform CIDOS dalam sesi PdP mereka. Justeru, pengkaji menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan saiz sampel bilangan pensyarah politeknik premier Malaysia. Merujuk perkiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970) yang dapat dilihat dalam jadual 1 iaitu bagi populasi 1289 bilangan saiz minimum sampel ialah 297.

Jadual 1: Taburan keseluruhan sampel dalam kajian

Lokasi Kajian	Jumlah Pensyarah	Saiz Sampel
1. Politeknik Premier Ungku Omar, Perak (PUO)	548	126
2. Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor	360	83
3. Politeknik Premier Ibrahim Sultan, Johor	381	88
JUMLAH	1289	297

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji bagi memastikan setiap individu mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian. (Mohd. Majid Konting 2000). Manakala, dalam kajian ini dua jenis data statistik telah digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi bagi menganalisis data yang diperolehi. Justeru, menerusi kajian ini, statistik deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian tentang sejauh manakah pensyarah politeknik premier mengamalkan komunikasi kemanusiaan ketika berkomunikasi dengan pelajar. Bagi mengetahui interpretasi min bagi setiap item yang diuji, pengkaji mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam empat tahap yang diambil daripada kajian Mohd Aderi Noh (2008) & Azmil Hashim (2010). Skor min 1.01 hingga 2.00 menunjukkan tahap rendah, skor min 2.01 hingga 3.00 menunjukkan tahap sederhana rendah, skor min 3.01 hingga 4.00 menunjukkan tahap sederhana tinggi dan skor min 4.01 hingga 5.00 menunjukkan tahap tinggi. Perisian *Statistical Package For Sosial Science (SPSS) for Windows (Version 22.0)* digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data soal selidik kajian.

IV. Hasil Kajian

Pengkaji telah membahagikan pengamalan komunikasi kemanusiaan berdasarkan unsur *al-nafs* (jiwa), *al-aql* (akal) dan *al-qalb* (hati) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar. Justeru, pengkaji menganalisa menggunakan statistik deskritif menerusi unsur-unsur tersebut berdasarkan taburan jawapan responden mengikut peratusan dan skor min. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ke atas pengamalan komunikasi kemanusiaan terhadap ketiga-tiga unsur tersebut (*al-nafs*, *al-aql* & *al-qalb*) berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.33).

4.1 Unsur *al-Nafs* (Jiwa)

Bagi unsur *al-nafs* (jiwa) terdapat 10 item soalan yang disediakan dalam mengenal pasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur tersebut dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.39). Analisis taburan min secara terperinci bagi semua item soalan berada pada tahap yang tinggi. Analisis keseluruhannya dapat dilihat menerusi jadual 2 seperti berikut:

Jadual 2. Taburan peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-nafs* (jiwa) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar

Bil	Penyataan	Peratus (%)					Min	S.P	Tahap Interpretasi
		STK	TK	TP	K	SK			
1	Saya mengamalkan sesi suai kenal dengan pelajar pada hari pertama pertemuan PdP	.7	4.7	1.3	38.7	54.5	4.42	.80	Tinggi
2	Saya menasihati pelajar supaya mengamalkan sahsiah yang mulia ketika berkomunikasi dengan orang lain.	.3	1.3	3.0	42.4	52.9	4.47	.66	Tinggi
3	Saya memberi perhatian terhadap segala percakapan pelajar-pelajar semasa proses PdP dijalankan	-	2.0	4.0	54.5	39.4	4.31	.65	Tinggi
4	Saya bergerak ke arah pelajar apabila bertanyakan soalan sementara menanti jawapan pelajar semasa proses PdP	.3	10.8	3.7	53.2	32.0	4.06	.91	Tinggi
5	Saya menggunakan gerak mata (<i>eye-contact</i>) dengan pelajar semasa berkomunikasi dalam PdP	-	.3	3.0	43.1	53.5	4.50	.58	Tinggi
6	Saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi dengan pelajar	-	-	2.4	40.7	56.9	4.55	.54	Tinggi
7	Saya berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar	-	-	3.0	37.7	59.3	4.57	.55	Tinggi
8	Saya menggalakkan komunikasi dua hala dengan pelajar semasa proses PdP dijalankan	-	2.0	4.4	35.0	58.6	4.50	.68	Tinggi
9	Saya memberikan pengukuhan positif (pujian, ganjaran dan penghargaan) di atas kejayaan pelajar dalam menjawab soalan	.7	3.0	6.4	50.2	39.7	4.25	.76	Tinggi
10	Saya menganggukkan kepala sebagai tanda memberi perhatian terhadap jawapan yang diberikan pelajar semasa PdP	1.3	1.7	6.7	49.8	40.4	4.26	.77	Tinggi

STK – Sangat Tidak Kerap

TK – Tidak Kerap

TP – Tidak Pasti

K – Kerap

SK – Sangat Kerap

S.P – Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 2 didapati 10 item yang berkaitan tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-nafs* (jiwa) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar mencapai skor min yang tinggi ($\text{min}=4.06$) ke atas. Perincian skor mendapati bahawa item “Saya berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar” mencatat min yang tertinggi iaitu ($\text{min}=4.57$) di mana 59.3% responden sangat kerap mengamalkan komunikasi menerusi unsur tersebut, 37.7% responden kerap berbanding 3.0% tidak pasti terhadap item tersebut. Begitu juga dengan item yang ke 6 iaitu “Saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi dengan pelajar” mencatat min yang kedua tertinggi iaitu $\text{min}=4.55$ dengan 56.9% responden sangat kerap mengamalkannya, 40.7% orang responden kerap dan 2.4% orang responden tidak pasti dengan item yang dikatakan.

Penemuan ini selaras dengan kajian Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014) yang mengatakan guru harus menggunakan unsur kejiwaan apabila berhadapan dengan para pelajarnya. Unsur *al-nafs* (jiwa) ini adalah seperti bersifat penyayang dan menunjukkan memek muka yang ceria apabila berhubungan dengan pelajar, sering menggunakan nada suara dan bahasa yang tidak membosankan pelajar untuk mendengarnya dan bertutur dengan variasi rangsangan. Sifat-sifat ini selari dengan pandangan al-Ghazali (1988) yang menyatakan penguasaan *al-nafs al-Mutma'inah* melahirkan individu yang mempunyai *al-nafs* (jiwa) ke arah kebaikan, tenang dan selamat daripada desakan nafsu syahwat manakala komunikasi yang berlaku adalah bersifat kemanusiaan. Menurutnya lagi, guru juga harus menggunakan gaya kepimpinan secara demokratik dengan melayan idea dan percakapan pelajar semasa proses PdP dijalankan. Selanjutnya, guru sebagai seorang pendidik yang baik perlu menunjukkan sifat mesra dengan para pelajarnya. Pengamalan *al-nafs al-Ammarah* dalam berkomunikasi hendaklah dielakkan kerana ia boleh mendatangkan keburukan dalam hubungan kerana elemen pertimbangan akal sudah tidak dipraktikkan dalam agenda komunikasi. Aktiviti suai kenal adalah suatu aktiviti komunikasi yang baik dan berfaedah bagi membolehkan guru bergaul serta mewujudkan hubungan yang baik dengan para pelajar. Sifat ingin tahu dan keinginan untuk mengenali para

pelajar dengan lebih dekat sangat penting bagi membolehkan mereka mendapat maklumat mengenai setiap pelajarnya, melahirkan *al-nafs* (jiwa) yang mulia dan suci serta menangani setiap masalah para pelajarnya.

4.2 Unsur *al-aql* (Akal)

Terdapat 5 item soalan yang disediakan dalam mengenal pasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-aql* (akal) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.30). Justeru, penemuan kajian ini membuktikan responden menguasai dan kerap mengamalkan dengan baik unsur *al-aql* (akal) dalam komunikasi kemanusiaan mereka. Analisis taburan min secara terperinci bagi semua item soalan berada pada tahap yang tinggi. Analisis keseluruhannya dapat dilihat menerusi jadual3 seperti berikut:

Jadual 3. Taburan peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-aql* (akal) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar.

Bil	Penyataan	Peratus (%)					Min	S.P	Tahap Interpretasi
		STK	TK	TP	K	SK			
1	Saya mengemukakan soalan yang mampu merangsang pemikiran pelajar semasa PdP	-	1.3	5.4	56.9	36.4	4.28	.63	Tinggi
2	Saya menggunakan ayat yang sesuai dengan tahap keupayaan pemikiran pelajar	-	-	3.4	53.2	43.4	4.40	.56	Tinggi
3	Saya menyediakan aktiviti kelas yang menggalakkan pelajar untuk mengembangkan idea-idea sendiri berkaitan topik pembelajaran	-	4.4	5.4	60.3	30.0	4.16	.71	Tinggi
4	Saya menggalakkan aktiviti perbincangan dalam kumpulan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dikalangan pelajar	-	4.7	4.7	54.5	36.0	4.22	.74	Tinggi
5	Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pertanyaan pelajar-pelajar semasa berkomunikasi dalam PdP	-	-	2.0	52.2	45.8	4.44	.54	Tinggi

STK – Sangat Tidak Kerap

TK – Tidak Kerap

TP – Tidak Pasti

K – Kerap

SK – Sangat Kerap

S.P – Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 3 yang melibatkan analisis data pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-aql* (akal) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar didapati skor min keseluruhannya adalah min=4.30 yang mana menunjukkan pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-aql* (akal) pada tahap tinggi. Analisa juga menunjukkan item soalan 5 iaitu “Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pertanyaan pelajar-pelajar semasa berkomunikasi dalam PdP” mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu min=4.44 di mana 45.8% responden sangat kerap dengan item yang dikemukakan, 52.2% orang kerap dan hanya 2.0% orang responden tidak pasti mengamalkan dengan item yang dikatakan.

Penemuan kajian oleh Ee Ah Meng (2003) mendapati kemahiran berfikir boleh diajar kepada pelajar-pelajar dengan mendatangkan soalan-soalan yang berbentuk penghasilan generalisasi dan hipotesis. Ini kerana pelajar-pelajar akan berupaya menggunakan elemen akal untuk berfikir bagi mendapatkan jawapan terhadap persoalan tersebut. Ini selari dengan pandangan al-Ghazali (1988) yang menyatakan *al-aql* adalah tenaga untuk berfikir tentang baik buruknya sesuatu perkara. Manakala, guru hendaklah menggunakan soalan untuk menguji sejauh mana unsur *al-aql* (akal) dengan aktiviti berfikir digunakan untuk kefaamanan para pelajar terhadap isi pembelajaran pada setiap peringkat pelajaran. Sebenarnya, unsur *al-aql* (akal) ini digunakan untuk proses berfikir dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dan memikirkan untuk mencari kebenaran dari ilmu tersebut. Dalam berkomunikasi, jika ada pertanyaan daripada pelajar maka guru berperanan berkomunikasi menggunakan unsur *al-aql* (akal) dengan memberi respon yang positif. Sementara itu, penemuan kajian Hashim Deraman et al. (2007) mendapati guru harus membangkitkan soalan-soalan yang merangsang unsur akal dengan memberi galakan kepada pelajar untuk memberi pendapat sendiri terhadap persoalan tersebut dan bersedia untuk mempertahankan pendapat tersebut dengan cara dan gayanya yang tersendiri. Untuk itu, guru perlu menunjukkan penghormatan terhadap pendapat atau pandangan pelajar walaupun terdapat perbezaan dengan pandangannya.

4.3 Unsur *al-Qalb* (Hati)

Terdapat 5 item soalan yang disediakan dalam mengenal pasti tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-qalb* (hati) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian terhadap item soalan tersebut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min= 4.27). Justeru, dapatkan kajian ini membuktikan responden menguasai dan kerap mengamalkan dengan baik unsur *al-qalb* (hati) dalam komunikasi kemanusiaan. Analisis keseluruhannya dapat dilihat menerusi jadual4 seperti berikut

Jadual 4. Taburan peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi tahap pengamalan komunikasi kemanusiaan menerusi unsur *al-qalb* (hati) dalam kalangan pensyarah politeknik premier ketika berkomunikasi dengan pelajar.

Bil	Penyataan	Peratus (%)					Min	S.P	Tahap Interpretasi
		STK	TK	TP	K	SK			
1	Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pendapat atau idea pelajar semasa berkomunikasi dalam PdP	-	.3	1.7	51.5	46.5	4.44	.55	Tinggi
2	Saya tersenyum untuk membuatkan pelajar berasa selesa semasa PdP dijalankan	.3	1.7	6.7	45.8	45.5	4.34	.71	Tinggi
3	Saya membuat unsur kecindan (<i>humor</i>) bagi mewujudkan suasana ceria ketika berkomunikasi dengan pelajar	-	6.7	10.1	49.5	33.7	4.10	.84	Tinggi
4	Saya menunjukkan keprihatinan terhadap segala permasalahan pelajar semasa berkomunikasi dalam PdP	-	.7	6.7	58.9	33.7	4.25	.61	Tinggi
5	Saya meluangkan masa berbincang dengan pelajar tentang cara memperbaiki kelemahan mereka dalam pembelajaran	.3	1.7	7.4	59.3	31.3	4.20	.67	Tinggi

STK – Sangat Tidak Kerap

TK – Tidak Kerap

TP – Tidak Pasti

K – Kerap

SK – Sangat Kerap

S.P – Sisihan Piawai

Berdasarkan jadual4 didapati item soalan 1 iaitu “Saya memberi maklum balas yang baik terhadap pendapat atau idea pelajar semasa berkomunikasi dalam PdP” memberikan skor min yang paling tinggi iaitu min=4.44. Seramai 46.5% orang sangat kerap menggunakan unsur ini, 51.5% orang kerap, 1.7 orang tidak pasti dan 0.3% orang responden tidak kerap yang dikemukakan dalam item soalan 1. Seterusnya item soalan 2 iaitu “Saya tersenyum untuk membuatkan pelajar berasa selesa semasa PdP dijalankan” memberikan skor yang kedua tertinggi iaitu min=4.34 dengan 91.3 % majoriti responden kerap dan sangat kerap mengamalkan item ini dalam proses PdP mereka.

Penemuan kajian oleh Ab. Rahman Abu Bakar (1996) merumuskan komunikasi guru akan lebih berkesan jika guru melibatkan unsur *al-qalb* (hati) seperti baik hati, peramah, mesra, sabar ketika mengajar dan membenarkan pelajar melakukan banyak aktiviti di dalam kelas. Dapatkan ini selaras dengan kajian Syofia Ulfah et al.(2013) yang menjelaskan guru yang masuk ke dalam kelas dengan penuh ceria dan mengamalkan konsep senyum dengan mudah akan mendapat respon yang positif daripada pelajar-pelajar. Dengan senyuman, keresahan pelajar-pelajar dapat diatasi dan ketegangan dapat dikendurkan dalam proses pembelajaran. Malahan jika disusuli berkomunikasi dengan kata-kata sapaan yang bermakna seperti salam atau ucapan selamat sejahtera pelajar-pelajar akan berasa selesa dengan tingkah laku tersebut. Ini bertepatan dengan pandangan al-Ghazali (1988) yang mensifatkan *al-qalb* (hati) adalah seumpama raja kepada seluruh anggota manusia yang lain. Justeru, jika guru mempraktikkan unsur *al-qalb* (hati) dalam proses PdP mereka, nescaya komunikasi yang lahir adalah komunikasi yang bersifat kemanusiaan.

Penemuan kajian berkaitan personaliti guru yang bersangkutan dengan unsur *al-qalb* (hati) dapat dilihat melalui kajian Mohd Shahudin Karim et al. (2016) di mana mereka menyatakan personaliti guru yang cemerlang ialah mereka mempunyai sifat menyenangkan. Sifat menyenangkan ini dapat digambarkan melalui aktiviti komunikasi dan tingkah laku seperti mempunyai semangat yang tinggi ketika proses pengajaran dan mesra dengan pelajar-pelajar. Justeru, sifat yang menyenangkan ini terbit rentetan daripada pengaruh *al-qalb* (hati) yang bersih yang menjadi penentu tindakan seseorang. Manakala, Mohd Safiee Hj. Idris et al.(2008) menambah seorang guru yang mudah mesra, sentiasa tersenyum, peramah, baik hati dan sebagainya akan menjadi *role model* kepada pelajar-pelajarnya dan mereka secara tidak langsung dididik untuk mengikuti jejak langkah guru mereka.

V. Kesimpulan

Keberkesanan dan kecemerlangan pensyarah dalam sesi PdPc mereka banyak bergantung kepada aspek komunikasi dengan pelajar-pelajar. Justeru, hasil daripada dapatan kajian menunjukkan pengamalan komunikasi berunsurkan kemanusiaan sangat kerap dipraktikkan oleh pensyarah Politeknik premier pada sesi PdPc mereka dalam bilik kuliah. Antara unsur - unsur dalam komunikasi kemanusiaan tersebut ialah unsur *al-nafs (jiwa)*, *al-‘aql (akal)* dan *al-qalb (hati)*. Oleh itu, komunikasi yang mempunyai sentuhan jiwa, kemahiran penggunaan akal serta komunikasi daripada hati sangat perlu dikuasai oleh pensyarah bagi menjamin keberkesanan proses PdPc mereka dan bagi menimbulkan keselesaan dalam kalangan pelajar-pelajar ketika berkomunikasi dengan pensyarah mereka.

Rujukan

1. Ab. Rahman Abu Bakar. (1996). Komunikasi Bilik Darjah. *Jurnal Akademik*: Maktab Perguruan Kota Bahru, Pengkalan Chepa, Kelantan.
2. Azmil Hashim. (2010). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz al- Quran Negeri. *Tesis Dr. Fal*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhammad. (2013). *Mukhtasar Ihya' Ulum al-Din*. Terj. Zaid Husein Al-Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man
4. Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhammad. (1988). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil 1-4. Ter. Prof. TK. H. Ismail Yakub MA-SH. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
5. Ee Ah Meng. (2003). *Psikologi Pendidikan II*. Edisi Kedua. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sd. Bhd.
6. Hashim Deraman, Suhaimi Yusof, Ruslei Abdullah & Shaari Nawi. (2007). Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. Dlm. Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar (pnyt.). *Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Kepimpinan Pendidikan*, hlm. 53-105. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
7. Khairul Anuar A. Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti Dan Kemahiran Komunikasi. *Jurnal Akademika* 82(2), 37-44.
8. Mohd Aderi Che Noh. (2008). Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dan Pencapaian Tilawah Al-Qur'an Murid Tingkatan Dua di Malaysia. *Tesis Dr. Fal*, Universiti Putra Malaysia.
9. Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji. (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 5, 59-77.
10. Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Mohd. Safar Hashim dan Fatimah Yusoff. (1988). *Komunikasi Antara Manusia: Ciri-ciri Penting Dalam Komunikasi Peribadi Dan Komunikasi Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
12. Mohd Safiee Hj. Idris, Hj. Ashari Sikor, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafa, Ahmad Rizal Madar dan Latifah Md. Ariffine. (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia*, 22-23 Oktober 2008
13. Mohd Shahudin Karim, Rosy Talin, Bahari Md Shah, Lee Bih Ni & Musirin Mohsin. (2016). Ciri Personaliti Berkualiti Guru Dalam Pengajaran: Sebuah Kajian Kes Dalam Kalangan Guru Sejarah Tingkatan Enam Di Daerah Penampang, Sabah. *International Conference on Language, Literature, Culture and Education, 30 & 31 Janumary*,
14. Sulaiman Md Yassin, Mohd. Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar (pnyt.). (2002). *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepemimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
15. Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia Yang Penyayang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(1), 139 – 154.